

# **SATU TINJAUAN TERHADAP SIKAP DAN MASALAH GURU BAHASA MELAYU DI SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN**

oleh

Tay Meng Guat

## **ABSTRAK**

*Makalah ini memuatkan hasil tinjauan tentang sikap dan masalah guru Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Penemuan kajian mendapati bahawa guru-guru menunjukkan sikap yang positif terhadap pengajaran dan pembelajaran BM dengan min skor 3.28. Guru-guru juga menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap pengajaran dan pembelajaran BM di sekolah. Majoriti guru bersetuju bahawa mereka masih perlu mengikuti kursus dalam bidang pedagogi bahasa khususnya yang berkaitan dengan aspek penulisan dan bacaan serta pemulihan dan pengayaan dalam pendidikan BM. Kursus-kursus ilmu bahasa yang menjadi pilihan guru ialah aspek yang berkaitan dengan penulisan, bacaan, morfologi dan sintaksis. Masalah utama yang dihadapi oleh guru ialah penguasaan asas BM yang lemah di kalangan murid dan pengaruh dialek atau gangguan bahasa ibunda murid. Guru juga berhadapan dengan masalah yang berkaitan dengan kurikulum dan pentadbiran.*

## **PENGENALAN**

Kajian ini merupakan satu percubaan untuk meninjau sikap dan masalah guru dalam pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) di sekitar Kuching. Tinjauan terhadap kedua-dua aspek ini akan diukur dari perspektif persepsi guru-guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu di Tahap Dua. Sikap guru dalam pengajaran Bahasa Melayu bererti kepercayaan atau kecenderungan tingkah laku guru yang mempunyai dimensi penilaian terhadap pengajaran mata pelajaran tersebut.

### **Takrifan Sikap**

Ahli-ahli penyelidikan memberi pelbagai takrifan tentang istilah sikap. Mengikut Anderson (1994) terdapat lima ciri sikap yang jelas iaitu emosi, sasaran, arah tuju, kekuatan dan ketekalan. Ciri emosi boleh dibahagi kepada ukuran positif, neutral dan negatif. Jika sesuatu sikap adalah positif, ia akan dituju dengan baik ke sasarannya dan sebaliknya. Sikap seseorang boleh diukur dengan memberi pernyataan yang membolehkannya memberi respons sama ada positif atau sebaliknya terhadap item yang diberikan.

Dari segi bentuk psikologi, sikap didefinisikan sebagai suatu keadaan mental yang sedia wujud, yang dibentuk melalui pengalaman dan memberi tekanan dinamik terhadap tindak

balas seseorang individu terhadap objek atau situasi yang berkaitan. Sikap dikatakan diproses melalui pembelajaran dan bersifat implisit.

Kajian ini mendefinisikan sikap sebagai suatu bentuk psikologi yang boleh diterangkan oleh kecenderungan tingkah laku seseorang individu yang menunjukkan kesediaan untuk memberi respons secara penilaian dan tekal. Sikap guru terhadap pengajaran Bahasa Melayu merupakan kecenderungan tingkah laku guru untuk memberi respons baik atau sebaliknya terhadap item-item dalam soal selidik yang disediakan. Respons guru boleh diukur secara berterusan daripada positif (sangat setuju) ke negatif (sangat tidak setuju) dalam soal selidik yang ditadbirkan.

### **Mengukur Sikap**

Mengikut Chee (1998), terdapat empat jenis skala yang biasa digunakan untuk mengukur sikap iaitu Skala Thurstone (1928), Skala Likert (1932), Skala Guttman (1944) dan Skala Osgood (1957). Tinjauan ini telah memilih Skala Likert untuk mengukur sikap guru memandangkan skala ini mudah digunakan dan kemungkinan berlaku kesilapan dalam menilai item-item juga adalah kecil. Ia mudah ditadbirkan dan dianalisis. Ia juga lebih tekal dan mempunyai kebolehpercayaan yang lebih tinggi berbanding dengan Skala Thurstone (Chee, 1998).

Dalam kajian ini, sikap guru diukur melalui respons yang diberikan oleh mereka terhadap satu siri pernyataan (item) dalam komponen soal selidik tinjauan. Setiap item dibentuk dalam bahasa yang mudah difahami oleh guru. Tahap kekuatan sikap guru diukur melalui sejauh mana mereka bersetuju atau tidak bersetuju terhadap setiap item. Skala ini membolehkan guru menentukan pilihan masing-masing yang berterusan.

## **PERSOALAN KAJIAN**

Kajian ini cuba menjawab soalan-soalan berikut:

- i. 1. Apakah tahap sikap guru-guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) terhadap pengajaran mata pelajaran Bahasa Melayu?
- ii. 2. Apakah kursus-kursus yang berkaitan dengan aspek pedagogi dan ilmu bahasa yang menjadi pilihan guru-guru?
- iii. 3. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru Bahasa Melayu dalam pengajaran Bahasa Melayu?

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan untuk melihat sikap dan masalah guru dalam pengajaran Bahasa Melayu di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan. Sampel kajian terdiri daripada 46 orang guru Bahasa Melayu yang mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu Tahap Dua di enam buah sekolah sekitar Kuching. Sekolah-sekolah yang terlibat ialah

SRJK Chung Hua No. 1, No. 2, No. 3, No. 4, No. 5 dan No. 6. Taburan sampel seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1. Latar Belakang Responden

<b>Latar Belakang</b>		<b>Bilangan</b>
Jantina	Lelaki	9
	Perempuan	37
Umur	20-24 tahun	2
	25-29 tahun	4
	30-34 tahun	12
	35-39 tahun	11
	40 tahun ke atas	17
Pengalaman mengajar BM	1-5 tahun	12
	6-10 tahun	8
	11-15 tahun	14
	16-20 tahun	7
	21 tahun ke atas	5
Latihan	Terlatih	44
	Tidak terlatih	2
Bidang pengkhususan	BM sahaja	14
	BM dan lain-lain	13
	Bukan BM	17

Alat yang digunakan ialah set soal selidik yang terdiri daripada beberapa item dengan menggunakan tindak balas Skala Likert daripada 1 (sangat tidak setuju ) hingga 4 (sangat setuju). Semua data yang terkumpul dianalisis menggunakan SPSS. Analisis kekerapan dan peratusan digunakan untuk melihat tahap angkuh-angkuh dalam kajian.

## ANALISIS PENEMUAN

### Sikap Guru Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu

Secara umumnya, guru menunjukkan sikap yang positif terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu (BM) dengan skor min sebanyak 3.28 (rujuk Jadual 2). Dapatan ini merupakan satu petanda yang menggalakkan. Lebih 90% daripada guru menyatakan bahawa mereka berasa selesa untuk mengajar mata pelajaran tersebut. Malah lebih daripada 50% guru menunjukkan respons amat setuju terhadap item keyakinan mereka mengajar subjek tersebut.

Guru-guru juga menunjukkan komitmen yang tinggi terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Semua guru mengakui bahawa mereka selalu membuat persediaan dan rujukan tentang aspek tatabahasa. Selain itu, mereka juga selalu membuat analisis terhadap pencapaian bahasa murid-murid dan mengambil tindakan susulan di samping berbincang dengan guru-guru lain untuk mengatasi kelemahan bahasa murid-murid.

Jadual 2. Sikap guru terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu ( $N = 46$ )

<b>Pernyataan</b>	<b>Sangat tidak setuju</b>	<b>Tidak Setuju</b>	<b>Setuju</b>	<b>Sangat setuju</b>	<b>Skor min</b>
Saya berasa selesa mengajar mata pelajaran BM	2.2	4.3	54.3	39.1	3.30
Saya yakin sewaktu mengajar di dalam kelas saya	2.2	2.2	41.3	54.3	3.47
Saya selalu membuat persediaan sebelum mengajar			56.5	43.5	3.43
Pengetahuan bahasa saya sudah memadai	2.2	19.6	65.2	13	2.89
Saya masih perlu mengikuti kursus bahasa		2.2	67.4	30.4	3.28
Saya sentiasa membuat rujukan tatabahasa terkini		2.2	69.6	28.3	3.26
Saya selalu membuat kajian tentang bahasa murid		2.2	69.6	28.3	3.26
Saya sentiasa berbincang dengan guru lain untuk mengatasi kelemahan bahasa murid			50	50	3.50
Saya sentiasa membantu rakan sejawat dalam masalah bahasa		2.2	67.4	30.4	3.28
Saya kerap terlibat dalam merancang aktiviti kebahasaan di sekolah		13	65.2	21.7	3.08
Saya selalu menganalisis pencapaian bahasa murid dan membuat tindakan susulan			67.4	32.6	3.32
<b>Min sikap keseluruhan</b>					<b>3.28</b>

Sebilangan guru (21.8%) sedar dan mengakui bahawa pengetahuan bahasa mereka masih belum memadai. Hampir semua guru (97.4%) bersetuju bahawa mereka masih perlu mengikuti kursus bahasa sebagai usaha memantapkan pengetahuan bahasa masing-masing (rujuk Jadual 2).

Dari segi penglibatan dalam perancangan aktiviti kebahasaan pula, 13% daripada guru menyatakan bahawa mereka tidak terlibat secara aktif (rujuk Jadual 2). Keadaan ini mungkin kerana mereka tidak diberi peluang ataupun mereka sendiri yang tidak suka melibatkan diri secara aktif.

### Keperluan Kursus Mengikut Pilihan Guru

Majoriti guru (89.1%) menunjukkan kecenderungan yang tinggi untuk mengikuti kursus yang berkaitan dengan bacaan dan penulisan dari segi pola pemilihan kursus dalam aspek pedagogi pengajaran BM diikuti dengan kursus pemulihan dan pengayaan dalam pendidikan BM iaitu sebanyak 87% (rujuk Jadual 3). Kepakaran dan kemahiran dalam pengajaran penulisan amat dipandang berat oleh guru. Keadaan ini mungkin berkaitan dengan keperluan murid-murid di sekolah kerana kemahiran penulisan merupakan salah satu komponen penting dalam peperiksaan. Keinginan yang tinggi di kalangan guru untuk mengikuti kursus pemulihan dan pengayaan memberi implikasi bahawa guru-guru masih kurang mampu menangani dua aspek utama ini dalam komponen pendidikan bahasa KBSR di sekolah.

Jadual 3. Keperluan kursus mengikut pilihan guru ( $N = 46$ )

Bil	Jenis kursus	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
<b>I</b>	<b>Strategi Pengajaran dan Pembelajaran</b>				
	Bacaan dan penulisan	6.5	4.3	50	39.1
	Pemulihan dalam pendidikan BM	8.7	4.3	58.7	28.3
	Pengayaan dalam pendidikan BM	6.5	6.5	60.9	26.1
	Pendidikan BM KBSR	15.2	4.3	45.7	34.8
	Komputer dalam pendidikan BM	17.4	13	32.6	37
	Media dalam pendidikan BM	17.4	8.7	37	37
	Sastera dalam pendidikan BM	23.9	15.2	50	10.9
	Drama dalam pendidikan BM	23.9	30.4	37	8.7
	Akhbar dalam pendidikan BM	17.4	8.7	47.8	26.1
<b>II</b>	<b>Ilmu Bahasa Melayu</b>				
	Penulisan	2.2	4.3	41.3	52.2

Sintaksis	10.9	8.6	37	43.5
Morfologi	10.9	6.5	41.3	41.3
Bacaan	4.3	13	43.5	39.1
Lisan	13	15.2	34.8	37

Bagi bidang kursus ilmu bahasa pula, empat aspek ilmu bahasa yang menjadi pilihan utama guru ialah bidang penulisan, sintaksis, morfologi dan bacaan. Sekalai lagi majoriti guru (93.5%) menunjukkan minat yang amat tinggi terhadap kursus penulisan (rujuk Jadual 3). Secara keseluruhan didapati bahawa minat guru terhadap pemilihan kursus dalam bidang lisan adalah paling rendah berbanding dengan bidang-bidang lain. Dapatan penemuan ini mengukuhkan kemungkinan bahawa kebanyakan guru di sekolah begitu mengutamakan keperluan dan pencapaian murid-murid dalam peperiksaan bertulis khususnya UPSR. Aspek lisan kurang diberi penekanan kerana dalam peperiksaan UPSR, ujian lisan tidak diambil kira. Ini secara tidak langsung membuktikan bahawa guru-guru di sekolah masih tidak boleh elak daripada 'tekanan' yang begitu mengutamakan sistem persekolahan yang berorientasikan peperiksaan.

### Masalah Yang Dihadapi Guru

Jadual 4 menunjukkan hasil tinjauan tentang masalah yang guru menghadapi dalam mengajar Bahasa Melayu.

Jadual 4. Masalah guru dalam mengajar Bahasa Melayu ( $N = 46$ )

Bil.	Jenis masalah	Sangat Tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
<b>I</b>	<b>Masalah berkaitan dengan murid</b>				
	Penguasaan asas BM lemah			50	50
	Pengaruh dialek / bahas ibunda	4.3	8.7	45.7	41.3
	Malas	4.3	13	50	32.6
	Tiada minat	2.2	13	60.9	23.9
<b>II</b>	<b>Masalah berkaitan dengan guru</b>				
	Kemahiran pengajaran & pembelajaran lemah	41.3	39.1	19.6	
	Penggunaan bahasa yang berubah-ubah	13	47.8	28.3	10.9
	Rujukan kurang	6.5	47.8	39.1	6.5
	Tiada maklumat terkini tentang perubahan tatabahasa	10.9	26.1	32.6	30.4
<b>III</b>	<b>Masalah berkaitan dengan kurikulum/pentadbiran</b>				
	Sukatan pelajaran luas		15.2	73.9	10.9
	Sukatan pelajaran kurang selaras dengan kehendak UPSR	10.9	32.6	43.5	13
	Bilangan murid dalam kelas	2.2	2.2	23.9	71.7

ramai				
Guru bukan opsyen Bahasa Melayu	13	21.7	34.8	30.4
Kurang sokongan ibu bapa		17.4	63	19.6
Banyak beban tugas bukan akademik yang lain	2.2	17.4	34.8	45.7
Terlalu menekankan UPSR		13	39.1	47.8
Kandungan dan aktiviti buku teks kurang sesuai	4.3	37	43.5	15.2

Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru menghadapi masalah utama yang berkaitan dengan murid. 97.8% daripada guru menyatakan mereka berhadapan dengan masalah penguasaan asas BM yang lemah di kalangan murid. Selain itu mereka juga menghadapi masalah gangguan dialek dan bahasa ibunda murid-murid. Masalah ini bukan sahaja boleh menjejaskan pengajaran dan pembelajaran lisan malah akan terbawa-bawa dalam aktiviti penulisan. Dalam hal ini, pengetahuan guru dalam linguistik konstruktif akan dapat membantu mereka menyedarkan murid-murid tentang persamaan dan perbezaan antara bahasa.

Masalah ketara yang berkaitan dengan guru ialah tiada maklumat terkini tentang perubahan tatabahasa. Perubahan bahasa yang kerap menyebabkan kadang-kadang guru-guru tidak dapat mengikutinya, mislanya dari segi perubahan ejaan dan istilah. Keadaan ini diburukkan lagi kerana terdapatnya bahan-bahan bacaan yang ditulis oleh ahli-ahli bahasa yang berbeza.

Dari segi kurikulum dan pentadbiran, guru menyatakan bahawa mereka menghadapi masalah dari segi bilangan murid yang terlalu ramai dalam kelas, terlalu banyak beban tugas bukan akademik dan pihak tertentu yang terlalu menekankan peperiksaan awam Tahun Enam iaitu UPSR.

## **RUMUSAN DAN CADANGAN**

Berdasarkan dapatan kajian ini beberapa perkara dapat disimpulkan:

- i. Secara keseluruhannya guru mempunyai sikap yang positif terhadap pengajaran dan pembelajaran BM. Guru-guru menunjukkan komitmen yang tinggi dalam profesion mengajar mereka. Majoriti guru menyatakan bahawa mereka masih perlu mengikuti kursus untuk meningkatkan kemahiran pedagogi dan penguasaan bahasa. Oleh itu guru-guru perlu diberi pendedahan yang lebih mendalam melalui kursus pendek atau latihan dalaman yang dianjurkan oleh pihak tertentu.
- ii. Kursus-kursus yang menjadi pilihan utama guru-guru ialah kursus tentang strategi pengajaran-pembelajaran bacaan dan penulisan, kursus pemulihan dan pengayaan. Bagi kursus yang berkaitan dengan ilmu BM pula kursus-kursus yang menjadi pilihan guru ialah kursus penulisan, bacaan, morfologi dan sintaksis.

- iii. Masalah utama yang dihadapi oleh guru-guru dalam pengajaran dan pembelajaran BM ialah untuk menangani jenis masalah yang berkaitan dengan murid iaitu kelemahan penguasaan asas BM di kalangan murid, masalah pengaruh dialek atau bahasa ibunda murid-murid, masalah malas dan tiada minat. Sebab tiada maklumat terkini tentang perubahan tatabahasa pula merupakan masalah utama yang berkaitan dengan guru. Panitia mata pelajaran BM sekolah perlu memainkan peranan dengan lebih berkesan, misalnya mengadakan sesi perbincangan dan bengkel. Usaha ini merupakan salah langkah yang boleh membantu menyebarkan maklumat terkini kepada guru-guru bahasa dari semasa ke semasa.

### RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (1987). *Isu-isu Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anderson, L.W. (1994). Attitude, measurement of In.T. Husen (ed.). *The International Encyclopedia of Education*. (2<sup>nd</sup> ed.), 1.Oxford: Pergamon.
- Chaudron, C. (1988). *Second Language Classrooms: Research on teaching and learning*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Chee Kim Mang. (1998). Sikap pelajar yang berumur 15 hingga 16 tahun terhadap Ekonomi sebagai satu mata pelajaran sekolah: satu tinjauan. *Jurnal Pendidikan Gerak*, Bil. 10. 29-35.
- James, L. (1969). *Measuring foreign language aptitude and attitude*. [On-line]. Available:<http://www.soc.hawaii.edu/leonj/499s99/ramil/psy499/chapter5.html>
- Sa'adiyah Ma'alip dan Maslida Yusof. (1997). Sikap bahasa terhadap Bahasa Melayu di kalangan pegawai-pegawai kilang. *Jurnal Bahasa*, Sept. 848-854.
- Samsuddin b. Mahmud et al. (1998). Penguasaan bahasa di kalangan guru-guru Bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa*, Bil. 16 28-41.
- Thurstone, L. L. (1928). Attitude can be measured. *American Journal Sociology*, 33,529-554.
- Zamri Mahamod dan Zarina Othman. (2001). Sikap pelajar Cina terhadap pembelajaran Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua. *Jurnal Bahasa*, Feb. 40-43.